

Kendalikan pengangkutan awam secara lebih 'kemas dan licin

# Semua syarikat bas Lumpur mungkin

Oleh  
**Badrul Azhar Rahman**

**K**UALA LUMPUR 10 Jan. — Semua syarikat bas di Kuala Lumpur mungkin digabungkan menjadi sebuah syarikat besar bagi mengendalikan pengangkutan awam di ibu negara dengan cara yang lebih kemas dan licin.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, langkah tersebut adalah sebahagian daripada rancangan kerajaan bagi mengurangkan masalah kesesakan Lalulintas di ibu negara.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pembangunan Kuala Lumpur menambah, dalam penyusunan semula sistem laluan pengangkutan awam yang dilakukan, faktor yang akan dititikberatkan ialah laluan bas.

Serentak dengan itu, beliau menjelaskan, projek monorel di Kuala Lumpur akan mula dibina pada tahun ini.

Bercakap kepada para pemberita selepas merasmikan Kongres Ekonomi Bumiputera Ke-3 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini, beliau berkata, projek yang telah ditangguh beberapa kali itu akan dimulakan dalam tempoh tiga bulan lagi.

Menurutnya, sebuah syarikat daripada Singapura yang berpengalaman mengendalikan projek monorel di negara tersebut, akan diberi tender untuk mengendalikan projek berkenaan.

Mengulas masalah kesesakan Lalulintas di Bandaraya Kuala Lumpur, Perdana Menteri berkata, pembinaan projek metrolink yang merupakan satu lagi sistem pengangkutan awam akan juga diadakan.

Selain itu, katanya, kerajaan memang bercadang untuk mengenakan peraturan supaya setiap kereta yang memasuki Kuala Lumpur dimestikan membawa sekurang-kurangnya tiga orang penumpang.

Bagaimanapun, jelasnya, peraturan ini tidak dapat dilaksanakan kerana ia sudah tentu mendapat bantahan daripada orang ramai khususnya parti pembangkang

"Setiap pembangunan yang kita buat sudah tentu memerlukan belanja yang banyak, begitu juga belanja untuk membina jalan baru dari Kuala Lumpur ke Cheras yang bernilai \$600 juta.

"Tetapi apabila kita mahu mengutip tol, ada yang membantah," kata beliau.

Beliau menegaskan, begitu juga dengan langkah kerajaan mengenakan bawaran \$1 untuk borang-borang tertentu, turut mendapat tentangan.

Kepada satu soalan lain, Perdana Menteri berkata, pengangkutan bas diberi perhatian serius kerana terdapat terlalu banyak bas daripada luar Kuala Lumpur yang membawa penumpang menuju ke satu destinasi iaitu pusat bandar.

Sebagai contoh, jelasnya, tumpuan bas-bas daripada luar ialah untuk menghantar para penumpang terus ke Hentian Puduraya, ini mengakibatkan kesesakan Lalulintas kerana bas-bas itu bergerak agak lambat.

Menurut Perdana Menteri, di bandaraya negara lain, terdapat hanya satu syarikat bas yang mengendalikan pengangkutan tersebut tetapi di Kuala Lumpur terdapat antara lapan hingga 10 syarikat, malah, ada beberapa syarikat yang melalui jalan yang sama.

Kata beliau, kerajaan benar-benar serius mahu menyelesaikan kesesakan Lalulintas di ibu negara dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telahpun menyiapkan model khas Kuala Lumpur yang dapat membantu segala perancangan pembangunan pada masa depan.

Di tanya tentang tinjauan beliau melalui udara baru-baru ini, Perdana Menteri berkata, tinjauan melalui helikopter itu adalah untuk melihat secara lebih jelas keadaan ibukota

Selain daripada masalah kesesakan Lalulintas, tambahnya, beliau dapat melihat keadaan alam sekitar, pembangunan infrastruktur dan pencemaran yang berlaku termasuk pengaliran sungai.

"Ini semua boleh membantu dalam setiap keputusan yang mungkin diambil oleh kerajaan terhadap pembangunan Kuala Lumpur pada masa depan," ujar beliau.

**digabung — PM  
di Kuala**